

**TEKS UCAPAN KETUA PUSTAKAWAN DI
MAJLIS PERASMIAN
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PERPUSTAKAAN AKADEMIK (NCOAL)
17 MAC 2015, MS GARDEN**



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam sejahtera dan salam satu Malaysia

Yang Berbahagia Profesor Dr. Mashitah Binti Mohd. Yusoff,

Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan & Inovasi mewakili Naib Canselor Universiti Malaysia
Pahang,

Yang Hormat Profesor Dato Dr. Yusserie Bin Zainuddin
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni,

Yang Berbahagia Profesor Dr. Wan Azhar Bin Wan Yusoff,
Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa

Yang Diraikan Para Pembentang Ucaptama

Yang Mulia Dato Profesor Dr. Haji Raja Abdullah Bin Raja Yaacob,

Dan

Yang Hormat Prof Dato Ir. Dr Badrulhisham Bin Abdul Aziz ,

Ketua-ketua pustakawan

Para pembentang kertas persidangan

Tetamu jemputan,

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian.

Marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kerana dengan izin dan limpah-Nya dapat juga kita berhimpun di majlis yang penuh bermakna pada pagi ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang ke Persidangan Kebangsaan Perpustakaan Akademik atau *National Conference on Academic Library (NCOAL)*.

Tahniah kepada jawatankuasa persidangan kerana dapat menjayakan persidangan ini walaupun ia merupakan kali pertama perpustakaan Universiti Malaysia Pahang menganjurkan persidangan. Pada tahun 2009, perpustakaan mengadakan Seminar Pengurusan Ilmu dan pada masa itu, jemputan adalah terhad dan diadakan di dalam kampus sahaja.

Tahniah dan syabas diucapkan sekali lagi.

Mewakili pihak penganjur saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada perpustakaan-perpustakaan Universiti Awam dan juga institusi pengajian tinggi swasta yang memberi sokongan dalam persidangan ini.

Sebanyak 17 perpustakaan universiti awam dan 15 perpustakaan universiti swasta serta organisasi lain yang turut serta dalam persidangan ini dengan jumlah penyertaan seramai 70 orang.

Terdapat juga peserta dari sektor industri dan agensi lain seperti UMW Toyota, KPJ dan juga Biotechnology Corporation.

Ini memberi peluang kepada para peserta untuk saling berkongsi pengalaman dan urus tadbir terbaik dalam organisasi.

Besarliah harapan saya agar persidangan kali ini dapat mengeratkan hubungan di kalangan para peserta sekalian.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Penarafan kepada sesebuah organisasi amatlah penting dan dalam institusi pengajian tinggi, kriteria penarafan melibatkan penerbitan, penyelidikan, kurikulum, kualiti graduan dan juga fasiliti. Ini bergantung kepada badan yang memberi penarafan.

Di manakah peranan kita dalam penarafan tersebut?

Bagaimana kita menguruskan data-data untuk dinilai?

Sejauh mana kita memberi impak kepada penarafan?

Sebagai sebuah perpustakaan, bagaimana mengurus koleksi tacit dan eksplisit. Bagaimana mengurus penerbitan universiti, kertas persidangan, artikel jurnal dan artikel majalah untuk membekalkan data bagi penarafan seperti MyRA, dan PSPTN. Bahkan ia bukan sekadar untuk data penarafan tetapi untuk dikongsi dan diakses oleh pengguna perpustakaan.

Di persidangan inilah, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat berkongsi pengalaman, pengetahuan dan pandangan dalam membantu organisasi lain membuat tambahbaik.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) menggariskan 10 lonjakan di mana lonjakan ke sembilan (9) adalah kesohoran global.

Bagaimana kita ingin tersohor di peringkat global?

Di sinilah perlunya penarafan dan pengiktiran di peringkat global dan bukan sekadar peringkat nasional.

Rasanya saya tidak perlu mengulas panjang tentang peranan kita dalam menjayakan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi baharu ke arah memantapkan pendidikan negara.

Akhir kata, suka saya ingin memetik kata-kata Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh iaitu:

“Bagi memastikan Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia (Pendidikan Tinggi) berjalan lancar, ia memerlukan komitmen masa yang serius daripada kepimpinan kanan secara berterusan untuk memantau dan menyelesaikan masalah serta membuat keputusan kritikal dengan cepat”

(Sinar Harian, 15 Mac 2015, mukasurat 7)

Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.